



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI**  
Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives

## **KENYATAAN MEDIA**

### **PIHAK UNIVERSITI PERLU KAJI SEMULA CAJ YANG DIKENAKAN KE ATAS KIRIMAN BUNGKUSAN**

---

**Putrajaya, 17Jun 2021** – Tular di Twitter mengenai kenyataan pihak universiti yang mengenakan caj ke atas kiriman bungkusan yang di alamatkan ke universiti. Ciapan ini turut mendapat reaksi hebat daripada pengguna aplikasi tersebut.

Caj yang dikenakan ini akan membebankan pembeli dalam kalangan pelajar kerana mereka perlu membayar kos berganda untuk mendapatkan kiriman bungkusan daripada pembeli. Sudahlah perlu mengeluarkan duit pengangkutan untuk ke bangunan pentadbiran. Kemudian perlu mengeluarkan duit untuk caj tambahan ini.

Saya di MEDAC melihat perkara ini sebagai satu yang merugikan dalam ekosistem keusahawanan. Ketika pandemik COVID-19 ini, penjual amat bergantung kepada pembeli dalam talian. Saya kawatir jika perkara ini berterusan akan memberi kesan kepada jualan usahawan di mana pembeli dalam kalangan pelajar yang duduk di universiti tidak lagi membeli barangan dalam talian pada masa hadapan.

Saya harap pihak pentadbiran universiti yang terlibat melihat perkara ini sebagai satu usaha bersama dalam membantu Kerajaan meningkatkan ekonomi usahawan sekaligus membantu mereka bertahan dalam keadaan getir hari ini.

**YB DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI SAMSUDIN**  
**TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (MEDAC)**